



KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA TAWAR BANTUAN KEPADA REPUBLIK INDONESIA BAGI MENANGANI KEBAKARAN HUTAN DAN TANAH

Saya telah mengutuskan surat kepada Menteri Lingkungan Hidup Republik Indonesia, Yang Terhormat Bapak Mohammad Jumhur Hidayat bagi menyatakan kesediaan Malaysia untuk menghulurkan bantuan kepada Republik Indonesia dalam usaha menangani kebakaran hutan dan tanah yang sedang berlaku.

Tawaran ini merupakan susulan kepada perbincangan saya bersama beliau semasa pertemuan dua hala di Bali Indonesia pada 8 Julai dan juga panggilan telefon pada 24 Ogos 2026. Kedua-dua negara telah menyatakan komitmen untuk memperkuat tindakan pencegahan dan pemadaman awal dalam menghadapi risiko kebakaran dan jerebu merentas sempadan, khususnya dalam keadaan fenomena El Niño dan Monsun Barat Daya yang meningkatkan risiko cuaca panas dan kering di rantau ini.

Malaysia menghargai usaha berterusan Kerajaan Republik Indonesia dalam menangani kebakaran hutan dan tanah serta mengurangkan risiko pencemaran jerebu merentas sempadan. Dalam semangat kejiwaan, persahabatan dan saling membantu yang sekian lama menjadi asas hubungan kedua-dua negara, Malaysia bersedia untuk melengkapi usaha tersebut dengan menghulurkan bantuan sekiranya diperlukan oleh pihak Republik Indonesia.

Bantuan yang ditawarkan Malaysia merangkumi keupayaan pemadaman kebakaran dari udara termasuk operasi *water bombing* menggunakan helikopter, sokongan pemadaman menggunakan pesawat amfibi serta pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan (OPA). Bentuk dan skop bantuan akan diperincikan bersama pihak Republik Indonesia berdasarkan keperluan dan kesesuaian keadaan di lapangan serta tertakluk kepada persetujuan kedua-dua Kerajaan. Keupayaan tersebut adalah selaras dengan kesiapsiagaan bantuan yang telah dikenal pasti melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang melibatkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Penyelarasan pemberian bantuan tersebut akan dilaksanakan selaras dengan ASEAN *Agreement on Transboundary Haze Pollution* (AATHP) yang menggariskan bahawa Negara Anggota ASEAN boleh menawarkan bantuan tertakluk kepada permintaan dan persetujuan negara penerima. Sehubungan itu, Malaysia menghormati sepenuhnya kedaulatan Republik Indonesia dan bersedia untuk memperincikan bentuk, skop serta penyelarasan bantuan bersama pihak berkuasa Republik Indonesia sekiranya tawaran ini diterima.

Malaysia turut merakamkan penghargaan kepada Republik Indonesia atas persetujuan dan kebenaran yang diberikan bagi membolehkan OPA dilaksanakan di kawasan berhampiran sempadan kedua-dua negara yang mungkin melibatkan ruang udara Republik Indonesia. Kerjasama ini amat penting bagi membolehkan pelaksanaan OPA dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Malaysia percaya bahawa cabaran kebakaran hutan dan tanah serta jerebu merentas sempadan perlu ditangani melalui tindakan awal, koordinasi yang rapat dan semangat tanggungjawab bersama. Justeru, kerjasama erat antara Malaysia dan Republik Indonesia amat penting bagi menangani keadaan semasa serta memperkukuh kesiapsiagaan kedua-dua negara menghadapi risiko yang mungkin meningkat sepanjang tempoh cuaca panas dan kering.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam akan terus memantau rapi pergerakan titik panas dan kualiti udara semasa menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan MET Malaysia serta mengekalkan hubungan erat bersama Republik Indonesia demi kesejahteraan rakyat kedua-dua negara.

DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
9 SEPTEMBER 2026

